



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**KUALITI TINGKAHLAKU KEIBUBAAPAN DAN PENYESUAIAN
TINGKAHLAKU ANAK DALAM KELUARGA BERISIKO
DI LUAR BANDAR**

ZARINAH ARSHAT

FEM 2001 4

**KUALITI TINGKAHLAKU KEIBUBAPAAN DAN PENYESUAIAN
TINGKAHLAKU ANAK DALAM KELUARGA BERISIKO
DI LUAR BANDAR**

Oleh

ZARINAH ARSHAT

**Tesis Yang Dikemukakan Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk
Ijazah Master Sains di Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia**

Mei 2001



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains.

**KUALITI TINGKAHLAKU KEIBUBAAPAN DAN PENYESUAIAN
TINGKAHLAKU ANAK DALAM KELUARGA BERISIKO
DI LUAR BANDAR**

Oleh

ZARINAH ARSHAT

Mei 2001

Pengerusi: Profesor Madya Rozumah Baharudin, Ph.D.

Fakulti: Ekologi Manusia

Kajian ini bertujuan untuk menentukan perkaitan di antara faktor latarbelakang keluarga (pendidikan ibu, pendapatan keluarga dan bilangan anak) dan kualiti tingkahlaku keibubapaan dengan penyesuaian tingkahlaku anak (resiliensi, estim diri dan pencapaian akademik) dalam keluarga berisiko. Teknik persampelan rawak mudah telah digunakan untuk mengenalpasti sampel kajian. Sampel kajian terdiri daripada 201 pasangan ibu-anak berbangsa Melayu yang tinggal di luar bandar negeri Kelantan, Kedah, Selangor dan Johor. Responden ibu dan anak telah ditemubual secara bersemuka oleh enumerator yang terlatih dengan menggunakan borang soal selidik.

Kualiti tingkahlaku keibubapaan telah diukur menggunakan skala '*Supportive Parenting*' oleh Simons et al. (1992). Tahap resiliensi anak pula diukur menggunakan skala '*Resiliency Attitudes Scales*' oleh Bischoe dan Harris (1994). Tahap estim diri anak diukur berdasarkan '*Hare Self-Esteem Scale*' (Hare, 1985). Pencapaian akademik



anak diukur berdasarkan skor lima matapelajaran terpilih: Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains, Matematik dan Agama Islam.

Hasil kajian menunjukkan secara keseluruhannya, kualiti tingkahlaku keibubapaan dan tahap penyesuaian tingkahlaku anak adalah rendah. Lebih daripada separuh (55.2%) responden ibu mempunyai kualiti tingkahlaku keibubapaan yang rendah. Hampir separuh responden anak pula mempunyai tahap estim diri (49.8%) dan pencapaian akademik (42.3%) yang rendah. Manakala lebih daripada separuh (55.7%) responden anak mempunyai tahap resiliensi yang rendah.

Hasil analisis korelasi Pearson menunjukkan jumlah tahun pendidikan yang diterima oleh ibu mempunyai perkaitan yang signifikan dengan estim diri ($r=0.18$, $p\leq 0.05$) dan pencapaian akademik ($r=0.19$, $p\leq 0.05$) anak. Bilangan anak didapati mempunyai perkaitan yang negatif dan signifikan ($r = -0.16$, $p\leq 0.05$) dengan tahap resiliensi anak. Hasil kajian menunjukkan tahap risiko keluarga mempunyai perkaitan dengan pencapaian akademik anak ($r = -0.26$, $p\leq 0.01$). Kualiti tingkahlaku keibubapaan juga mempunyai perkaitan secara positif dan signifikan dengan tahap estim diri anak ($r = 0.17$, $p\leq 0.05$) dalam keluarga berisiko di luar bandar.

Analisis regresi berganda menunjukkan tahap pendidikan ibu ($\beta=.16$, $p\leq .05$) dan tingkahlaku keibubapaan ($\beta=.15$, $p\leq .05$) menyumbang secara unik terhadap estim diri anak ($F=5.55$, $p\leq .05$). Hasil kajian juga menunjukkan tahap pendidikan ibu ($\beta=.18$, $p\leq .05$) menyumbang secara unik ke atas pencapaian akademik anak ($F=2.87$, $p\leq .05$).

Kajian ini membuat kesimpulan bahawa secara keseluruhan pendidikan ibu dan tingkahlaku keibubapaan mempengaruhi penyesuaian tingkahlaku anak dalam keluarga berisiko di luar bandar.

Abstract of thesis presented to Senate of Universiti Putra Malaysia in
fulfilment of the requirements for the degree of Master of Science

**THE QUALITY OF PARENTAL BEHAVIOUR AND CHILDREN'S
BEHAVIOURAL ADJUSTMENT IN AT-RISK FAMILY IN RURAL AREA**

Oleh

ZARINAH ARSHAT

May 2001

Chairman: Associate Professor Rozumah Baharudin, Ph.D.

Faculty: Human Ecology

The purpose of the study is to determine the relationship between family background (mother's education, family income and number of children) and parental behaviour with children's behavioural adjustment (resiliency, self-esteem and academic achievement) in at-risk family. The simple random sampling technique was utilized to identify 201 Malay mother-child dyads who are residing in rural areas in Kelantan, Kedah, Selangor and Johor. Mothers and children were interviewed face-to-face by trained enumerators using a structured questionnaire.

Parenting quality was assessed using the 'Supportive Parenting' scale by Simons et al. (1992). The level of children's resiliency was measured based on 'Resiliency Attitudes Scale' by Bischoe and Harris (1994). Children's self-esteem was measured using the 'Hare Self-Esteem Scale' (Hare, 1985). The children's academic achievement was assessed based on their score on five selected subjects: Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains, Matematik dan Agama Islam.



Results showed that the respondents level of parental behaviour and children's behavioural adjustments are low. More than half (55.2%) of the respondents were found to have low parental behaviour. Data analyses showed that almost half of the children have low self-esteem (49.8%) and low academic achievement (42.3%). While more than half (55.7%) of the children have low resiliency.

Results of the Pearson correlation analyses showed that mother's level of education correlate significantly with children's self esteem ($r=0.18$, $p\leq 0.05$) and academic achievement ($r=0.19$, $p\leq 0.05$). Number of children have negative and significant relationship with the level of resiliency. Results indicate that the families' level of risk correlate significantly to the children's academic achievement ($r = -0.26$, $p\leq 0.01$). In addition the quality parental behaviour is positively related to the level of children's self-esteem ($r = 0.17$, $p\leq 0.05$).

Multiple Regression Analyses showed mother's education ($\beta=.16$, $p\leq .05$) and parental behaviour ($\beta=.15$, $p\leq .05$) is found to uniquely contribute to the children's self-esteem ($F=5.55$, $p<.05$). Results also showed that mother's education ($\beta=.18$, $p\leq .05$) uniquely contribute to the children's academic achievement ($F=2.87$, $p<.05$). Findings imply that mother's education and parental behaviour influence the children's behavioural adjustment in at-risk family in rural area.

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Pengasih. Segala puji-pujian untuk Allah. Selawat dan salam atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w., sekalian ahli keluarga dan para sahabat. Dengan rasa rendah diri dan bersyukur kehadiran Allah s.w.t kerana dengan keizinan-Nya dapat saya menyempurnakan tesis untuk ijazah Master Sains.

Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada ahli jawatankuasa penyeliaan Prof. Madya Dr. Rozumah Baharudin, Dr. Rumaya Juhari dan Pn. Rojanah Kahar di atas tunjuk ajar, bimbingan dan dorongan dalam proses pembelajaran saya. Ucapan terima kasih juga kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia; Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar di atas kerjasama yang diberikan. Tidak lupa juga kepada individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sebagai responden kajian ini kerana kesudian mereka memberikan komitmen yang baik semasa projek ini dijalankan.

Terima kasih yang tidak terhingga khas buat ibu dan bapa yang tersayang Sapiah Hj. Harun dan Arshat Hj. Mat Rani, abang Zamri dan adik Mohd. Zaidi, Mohd Zaddeli dan Mohd Zolkefli di atas kasih sayang, perhatian dan sokongan yang diberikan sehingga saya memperolehi kejayaan seperti hari ini. Akhir sekali penghargaan dan terima kasih buat rakan-rakan terutama kepada Noralina bte Omar yang banyak membantu dan memberi perangsang dalam menjayakan projek ini.



SENARAI KANDUNGAN

	Mukasurat
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
PENGESAHAN	viii
PENGAKUAN	x
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
BAB	
I : PENDAHULUAN	1
Pendahuluan	1
Kenyataan Masalah	7
Kepentingan Kajian	8
Objektif Kajian	10
Am	10
Khusus	10
Hipotesis Kajian	11
Kerangka Kerja Konseptual Kajian	12
Definisi Istilah	20
Konseptual	20
Operasional	20
Limitasi Kajian	22
II : ULASAN KARYA TERPILIH	23
Faktor Risiko Dalam Keluarga	23
Kualiti Tingkahlaku Keibubapaan Dalam Keluarga Berisiko	28
Penyesuaian Tingkahlaku Anak Dalam Keluarga Berisiko	32
Rumusan	36
III : METODOLOGI	38
Lokasi Kajian	38
Persampelan	39
Pengumpulan Data	40
Pengukuran Angkubah	41
Latarbelakang Keluarga	41
Tahap Risiko	42



Kualiti Tingkahlaku Keibubapaan	42	
Tahap Resiliensi	43	
Tahap Estim Diri	49	
Pencapaian Akademik	50	
Penganalisan Data	50	
IV :	HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	51
Ciri Latarbelakang Keluarga Berisiko di Luar Bandar		52
Tahap Risiko Keluarga Responden		61
Kualiti Tingkahlaku Keibubapaan Keluarga Berisiko Di Luar Bandar		67
Tahap Penyesuaian Tingkahlaku Anak Dalam Keluarga Berisiko Di Luar Bandar		68
Tahap Resiliensi Anak		68
Tahap Estim Diri Anak		70
Tahap Pencapaian Akademik Anak		71
Perkaitan Di Antara Latarbelakang Keluarga Dengan Penyesuaian Tingkahlaku Anak Dalam Keluarga Berisiko Di Luar Bandar		72
Perkaitan Di Antara Tahap Risiko Keluarga Dengan Penyesuaian Tingkahlaku Anak Di Luar Bandar		77
Perkaitan Di Antara Kualiti Tingkahlaku Keibubapaan Dengan Penyesuaian Tingkahlaku Anak dalam Keluarga Berisiko Di Luar Bandar		78
Prediktor Penyesuaian Tingkahlaku Anak Dalam Keluarga Berisiko Di Luar Bandar		80
Rumusan Hasil Kajian		97
V :	RUMUSAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	99
Rumusan Kajian		99
Kesimpulan Kajian		103
Implikasi Kajian		106
Cadangan		108
BIBLIOGRAFI		110
LAMPIRAN		
BIODATA PENULIS		

SENARAI JADUAL

Jadual	Mukasurat
1 Perangkaan salahlaku delinkuensi juvana di Malaysia mengikut umur, bangsa dan jantina (1990-1998)	4
2 Tangkapan juvana terlibat dengan jenayah bagi tahun 1990-1997	5
3 Senarai daerah mengikut negeri	39
4 Maklumat latarbelakang responden	53
5 Pemilikan harta responden	60
6 Senarai faktor berisiko dalam keluarga	64
7 Kualiti tingkahlaku keibubapaan dan penyesuaian tingkahlaku anak mengikut tahap risiko keluarga	69
8 Perkaitan di antara latarbelakang keluarga, tahap risiko, tingkahlaku Keibubapaan dan penyesuaian tingkahlaku anak	74
9 Model regresi ke atas penyesuaian tingkahlaku anak (resiliensi) secara keseluruhan	81
10 Model regresi ke atas penyesuaian tingkahlaku anak (estim diri) secara keseluruhan	83
11 Model regresi ke atas penyesuaian tingkahlaku anak (pencapaian Akademik) secara keseluruhan	85
12 Prediktor penyesuaian tingkahlaku anak yang dikaji	86
13 Model regresi ke atas penyesuaian tingkahlaku anak (resiliensi) subsampel keluarga berisiko rendah di luar bandar	88
14 Model regresi ke atas penyesuaian tingkahlaku anak (estim diri) Subsampel keluarga berisiko rendah di luar bandar	89
15 Model regresi ke atas penyesuaian tingkahlaku anak (pencapaian akademik) subsampel keluarga berisiko rendah di luar bandar	91

16	Model regresi ke atas penyesuaian tingkahlaku anak (resiliensi) subsampel keluarga berisiko tinggi di luar bandar	93
17	Model regresi ke atas penyesuaian tingkahlaku anak (estim diri) Subsampel keluarga berisiko tinggi di luar bandar	94
18	Model regresi ke atas penyesuaian tingkahlaku anak (pencapaian akademik) subsampel keluarga berisiko tinggi di luar bandar	96
19	Rumusan hasil kajian mengikut hipotesis	97



SENARAI RAJAH

Rajah	Mukasurat
1 Kerangka kerja konseptual kualiti tingkahlaku keibubapaan dan penyesuaian tingkahlaku anak dalam keluarga berisiko di luar bandar	19
2 Jantina anak	55
3 Bilangan orang lain tinggal bersama	58
4 Status orang lain yang tinggal bersama	59
5 Tahap risiko keluarga	63
6 Keadaan rumah membahayakan	66

BAB I

PENDAHULUAN

Keluarga merupakan persekitaran yang paling hampir dengan individu. Proses keluarga dan sumber yang ada di dalam persekitaran keluarga boleh mempengaruhi perkembangan dan kesejahteraan individu dari segi emosi, mental dan fizikal secara berterusan. Namun faktor risiko yang dialami keluarga kadangkala memberi impak negatif kepada kefungsi keluarga dan kesejahteraan ahli keluarga. Justeru itu kajian ini meninjau sejauhmana proses keluarga terutama kualiti tingkahlaku keibubapaan ibu mempengaruhi tahap penyesuaian (resiliensi, estim diri dan pencapaian akademik) anak dari keluarga berisiko. Tumpuan kajian adalah ibubapa dan anak dari keluarga berisiko di luar bandar.

Kajian lalu mendapati antara faktor risiko yang mungkin wujud dalam keluarga adalah seperti pendapatan rendah (Stern, Smith & Jang, 1999; Shumow, Vandell & Posner, 1998; Miller & Davis, 1997; Pungello, Kupersmidt, Burchinal & Patterson, 1996), saiz keluarga besar (Rak & Patterson, 1996; Luster & McAdoo, 1994), interaksi keluarga yang negatif (Gerard & Buehler, 1999; Stern et al., 1999; Mayhew & Lempers, 1998; Shumow et al., 1998; Erel & Burman, 1995), pekerjaan yang tidak stabil (Kinnunen & Pulkkinen, 1998) dan struktur keluarga yang tidak lengkap (Rozumah, Siti Nor,

Abdullah Al-Hadi, Rojanah, Aidah & Koh, 1999; Eshleman, 1994; Acock & Demo, 1994). Hasil dari kajian-kajian ini juga menunjukkan bahawa faktor risiko yang dihadapi keluarga boleh mempengaruhi proses dalam keluarga seperti kualiti tingkahlaku keibubapaan dan seterusnya kualiti kesejahteraan anak.

Walaupun terdedah kepada beberapa faktor risiko, terdapat keluarga yang masih boleh menjalankan fungsinya dengan berkesan. Namun, apabila terdapat banyak faktor risiko yang wujud dalam keluarga dalam masa yang sama, hanya segelintir keluarga yang mampu untuk menjalankan fungsinya dengan berkesan. Terdapat bukti menunjukkan ibubapa dari keluarga berisiko berkecenderungan mempunyai masalah tekanan psikologi yang tinggi (Voydanoff & Dolley, 1998; Mayhew & Lempers, 1998; Voydanoff, 1990). Oleh yang demikian adalah tidak mustahil jika didapati ibubapa dari keluarga berisiko kurang memberikan sokongan, lebih mengamalkan hukuman fizikal untuk mengawal dan mendisiplinkan anak, gemar memberikan arahan tanpa penjelasan dan kurang memberikan tindakbalas terhadap keperluan emosi anak (Mayhew & Lempers, 1998; Hashima & Amato, 1994; Small & Luster, 1994). Disamping itu, ibubapa dari status sosioekonomi yang rendah didapati kurang menyediakan persekitaran rumah yang kondusif untuk pembelajaran anak dan mempunyai jangkauan yang rendah terhadap pencapaian anak (Shumow et al., 1998; Miller & Davis, 1997; Solis-Camara & Fox, 1996; Luster & McAdoo, 1994; Garret, Ng'andu & Feron, 1994; Dodge, Pettit & Bates, 1994).

Anak-anak dari keluarga berisiko didapati mengalami kemurungan, gagal dalam akademik, mempunyai estim diri yang rendah dan terlibat dengan tingkahlaku antisosial (Rozumah et al., 1999; Shumow et al., 1998; Mayhew & Lempers, 1998; Hartos & Power, 1997). Data dari Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Polis Diraja Malaysia secara umumnya menunjukkan bilangan kes dan tangkapan yang melibatkan golongan remaja yang berumur antara 10 hingga 18 tahun adalah tinggi dan meningkat dari tahun ke tahun (Jadual 1). Jenayah yang dilakukan oleh remaja antaranya membabitkan kes bunuh, serangan dengan niat membunuh, samun, rogol, mendera, pecah rumah dan mencuri (Jadual 2). Peningkatan bilangan kes dan tangkapan ini amat membimbangkan kerana ia melibatkan warisan generasi yang akan memegang tonggak negara pada alaf baru yang lebih kompleks dan mencabar. Oleh yang demikian langkah-langkah untuk mengurangkan kadar remaja yang terlibat dengan jenayah perlu diberi perhatian dan dijalankan.

Tinjauan literatur menunjukkan anak dari keluarga berisiko yang mampu membuat penyesuaian terhadap persekitaran negatif mempunyai ciri resiliensi yang dapat membantu mereka menghadapi tekanan hidup (Waxman & Huang, 1996; Gordon, 1996; Fagen & Cowen, 1996). Antara ciri resiliensi yang membolehkan individu untuk membuat adaptasi terhadap perubahan, tekanan dan kekecewaan dalam kehidupan untuk meneruskan kehidupan yang lebih produktif ialah mempunyai kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran interpersonal, estim diri yang tinggi, mempunyai jangkaan pencapaian yang tinggi, motivasi yang tinggi, berdikari dan proaktif (Franco & Levitt, 1998; Waxman & Huang, 1996; Gordon, 1996; Fagen & Cowen, 1996).

Jadual 1: Perangkaan salahlaku delikueni juvana di Malaysia mengikut umur, bangsa dan jantina (1990-1998)

Tahun	Umur			Bangsa/Jantina							
				Melayu		Cina		India		Lain-lain	
	10-12	13-15	16-18	L	P	L	P	L	P	L	P
1990	113	889	1,374	1,208	3	480	2	359	1	320	6
1991	99	727	1,066	988	6	432	0	249	3	212	1
1992	243	1,105	1,815	1,891	25	571	3	382	6	279	7
1993	200	1214	2,188	2,069	42	732	6	446	12	293	2
1994	168	983	2,090	1,839	23	590	18	421	10	340	6
1995	271	1329	2,542	2,357	45	891	30	496	11	357	4
1996	173	1582	2,926	2,926	59	763	7	571	3	366	1
1997	229	1984	3,574	3,419	59	1,181	12	625	18	433	8
1998*	107	403	907	653	1	79	0	51	0	20	0
Jumlah	1,603	10,216	18,482	17,350	159	5,719	78	3,600	64	2,620	35

Nota. 1998 dikira dari Januari hingga April sahaja. L=Lelaki, P=Perempuan

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat

Jadual 2: Tangkapan juvana terlibat dengan jenayah bagi tahun 1990-1997

Jenis Jenayah	1990	1991	1992	1993	1994	1995	1996	1997
Bunuh	6	7	17	14	12	7	26	26
Samun	51	23	60	62	51	58	86	108
Rogol	28	25	37	50	66	70	95	117
Mendera	84	58	112	112	103	154	263	357
Pecah rumah	485	317	482	539	430	472	399	523
Mencuri	709	504	827	969	930	2,134	1,130	1,065
Jumlah Besar	1,363	934	1,535	1,746	1,592	2,895	1,999	2,196

Sumber: Polis Diraja Malaysia

Ciri resiliensi yang ada pada individu sebenarnya telah sedia ada semenjak dilahirkan dan boleh ditingkatkan seiring dengan peningkatan usia. Walaupun demikian peringkat kanak-kanak merupakan masa yang paling sesuai untuk menerapkan nilai-nilai positif ke dalam diri mereka. Menurut Havighurst (1972) kanak-kanak sekolah membesar dari tiga aspek perkembangan yang khusus. Pertama, perkembangan kognitif secara pesat ke arah persekitaran komunikasi orang dewasa yang menekankan konsep, simbolik dan logik pemikiran yang kompleks. Kedua, mereka cenderung untuk keluar bersosial dari lingkungan rumah dan keluarga kepada rakan sebaya. Akhir sekali kanak-kanak berkembang secara pesat dari segi fizikal di mana mereka suka melibatkan diri dengan permainan dan sukan. Kanak-kanak ini akan memperkukuhkan lagi keunikan gaya mereka tersendiri dan tahap kefungsiannya ketiga-tiga aspek tersebut seiring dengan usia

mereka. Oleh itu ibubapa memainkan peranan yang penting untuk memastikan anak dapat berkembang secara positif terutama pada peringkat awal kanak-kanak lagi. Ini kerana pada peringkat kanak-kanak, mereka mudah dibentuk dan dilentur untuk menjadi seorang insan yang berguna pada agama, bangsa dan masyarakat.

Tingkhilaku keibubapaan ibu dan bapa dalam keluarga berisiko merupakan salah satu faktor pelindung yang boleh meningkatkan ciri resiliensi anak. Bagaimanapun kajian ini hanya memfokuskan kepada tingkhilaku keibubapaan di kalangan ibu. Ini adalah kerana ibu masih lagi dianggap sebagai penjaga utama dan lebih banyak melibatkan diri dalam aktiviti harian anak jika dibandingkan dengan bapa (Fagan, 1998; Fuligni, 1997). Manakala bapa pula telah didapati kurang terlibat dalam penjagaan harian dan penyeliaan anak (Fagan, 1998; Bailey, 1994; Radin, Williams & Coggins, 1993). Disamping itu kajian terdahulu mendapati ibu mempunyai pengaruh yang besar ke atas penyesuaian tingkhilaku anak terutama diperingkat awal kanak-kanak (Murry & Brody, 1999; Luster & McAdoo, 1994).

Ibu dari keluarga berisiko di luar bandar mungkin menghadapi cabaran yang unik di dalam mendidik dan membesarkan anak jika dibandingkan dengan ibu dari keluarga berisiko di bandar. Sebagai contoh, tanggungjawab ibu yang tinggal dalam keluarga berisiko untuk meningkatkan potensi yang ada pada anak mungkin terhad kerana kekurangan sokongan dan kemudahan yang selalunya ada di bandar. Rojewski (1995) menyatakan bahawa kanak-kanak dan remaja yang tinggal di luar bandar mempunyai peluang pendidikan dan aktiviti luar yang kurang. Ibu dan remaja di luar bandar

mempunyai peluang pekerjaan yang kurang jika dibandingkan dengan mereka yang tinggal di bandar. Tekanan seperti mendapatkan pekerjaan yang baik bagi menyara keluarga dan menyediakan persekitaran yang berkualiti untuk ahli keluarga akan menjadi lebih mencabar. Justeru itu kajian ini meninjau sejauhmana faktor lokasi tempat tinggal mempengaruhi kefungisian keluarga dan anak berisiko di luar bandar.

Sebagai kesimpulan, keluarga berisiko tinggi telah didapati mengalami proses keluarga dan kesejahteraan anak yang lebih lemah berbanding keluarga yang mempunyai tahap risiko yang rendah. Kajian ini dijangka dapat menjana maklumat mengenai sejauhmana proses dalam keluarga berisiko terutamanya tingkahlaku keibubapaan ibu memainkan peranan dalam mempengaruhi tahap penyesuaian anak (resiliensi, estim diri dan pencapaian akademik). Maklumat seperti ini dijangka dapat mendedahkan mengenai proses yang wujud dalam keluarga berisiko disamping membantu memperluaskan kefahaman tentang kesan dari pengalaman hidup dalam keluarga berisiko terhadap pembangunan insan.

Kenyataan Masalah

Secara empirikal ternyata keluarga yang berisiko tinggi mempunyai status sosio-ekonomi dan kefungisian yang berbeza dari keluarga yang mengalami kurang risiko. Disamping itu laporan kajian lalu juga menunjukkan keluarga berisiko kurang efektif dari segi tingkahlaku keibubapaan dan perkembangan anak. Oleh yang demikian kajian ini telah menganalisis ciri latarbelakang keluarga, tahap risiko, kualiti tingkahlaku

keibubapaan ibu dan tahap penyesuaian tingkahlaku anak (resiliensi, estimasi diri dan pencapaian akademik) dalam keluarga berisiko di luar bandar. Kajian yang telah dijalankan ini adalah sebahagian dari kajian IRPA yang bertajuk "Ekologi Keluarga Berisiko: Proses Interaksi dan Perkembangan Resilien Anak". Kajian ini juga telah dirangka dengan tujuan untuk mencari jawapan kepada persoalan berikut:

1. Adakah terdapat perkaitan di antara latarbelakang keluarga (pendidikan ibu, pendapatan keluarga dan bilangan anak) dengan penyesuaian tingkahlaku anak?
2. Adakah terdapat perkaitan di antara tahap risiko keluarga dengan penyesuaian tingkahlaku anak di luar bandar?
3. Adakah terdapat perkaitan di antara kualiti tingkahlaku keibubapaan dengan penyesuaian tingkahlaku anak dalam keluarga berisiko di luar bandar?

Kepentingan Kajian

Tinjauan literatur menunjukkan anak dari keluarga berisiko mampu mencapai kejayaan dari segi akademik dan bukan akademik (Fagen & Cowen, 1996; Gordon, 1996; Amato, 1990). Faktor yang paling banyak memberi sumbangan kepada kejayaan anak dalam keluarga berisiko ialah keibubapaan (Shumow et al., 1999; Fagen & Cowen, 1996; Gordon, 1996; Amato, 1990). Oleh itu kajian ini adalah penting bagi mengenalpasti sejauhmana pengaruh kualiti tingkahlaku keibubapaan ibu terhadap penyesuaian tingkahlaku anak dalam keluarga berisiko. Maklumat yang akan diperolehi diharapkan dapat membantu ibubapa bagi meningkatkan resiliensi, estimasi diri dan pencapaian akademik di kalangan anak-anak mereka.

Hasil kajian diharapkan dapat membantu mengenalpasti kualiti tingkahlaku keibubapaan dalam keluarga berisiko di luar bandar. Maklumat yang diperolehi dijangka boleh membantu agensi-agensi tertentu seperti Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam perancangan program peningkatan kualiti keibubapaan khususnya di luar bandar. Program yang lebih spesifik juga boleh dirancang dan dilaksanakan bagi ibubapa yang mempunyai kemahiran keibubapaan yang rendah berdasarkan kepada maklumat kajian. Diharapkan melalui usaha ini akan dapat meningkatkan kefungsiannya sesebuah keluarga dan seterusnya melahirkan penyambung generasi yang resilien.

Tinjauan literatur mendapati keluarga berisiko memberi kesan negatif kepada perkembangan anak (Rozumah et al., 1999; Ogilvie & Daniluk, 1995; Hayashino, Wurtele & Klebe, 1995; Kaiser, 1994; Lee, 1994; Bischof, Stith & Whitney, 1995; Masselam, Marcus & Stunkard, 1990). Anak dari keluarga berisiko telah didapati terlibat dengan tingkahlaku antisosial dan mempunyai pencapaian akademik yang rendah. Ini menunjukkan anak dari keluarga berisiko tidak mampu menangani tekanan dan cabaran dalam kehidupan. Keadaan ini secara langsung atau tidak langsung boleh menyumbang kepada masalah sosial di kalangan anak-anak muda. Maka, kajian ini dijangka dapat mengengahkan unsur-unsur yang berkaitan dengan tahap penyesuaian anak dalam konteks di mana dia berada. Mampukah anak dari keluarga berisiko memantulkan diri dari tekanan konteks kehidupannya?. Jika ya, apakah aspek penyesuaian diri yang banyak membantu akan dapat dikenalpasti oleh kajian ini.